

## Subsidi petrol bersasar dalam masa terdekat

**KOTA KINABALU** - Kerajaan akan mengumumkan keputusan pelaksanaan subsidi petrol bersasar yang dijanjikan kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dalam masa terdekat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, satu kertas bersama telah dimuktamadkan oleh kementeriannya dan Kementerian Kewangan untuk dibentangkan kepada jemaah menteri.

Katanya, kertas bersama itu dimuktamadkan dalam satu pertemuan yang beliau hadiri bersama Menteri Kewa-



SAIFUDDIN

ngan, Lim Guan Eng serta pegawai kanan di dua kementerian itu semalam.

“Dalam masa terdekat ini, ia akan dibentang kepada jemaah menteri untuk diberi lampu hijau jika jemaah menteri berpuas hati. Jika tidak, ia akan ada pembetulan.

“Jika jemaah menteri berpuas hati, kerajaan akan mengumumkan secara rasmi pelaksanaan-

nya merangkumi seluruh negara dalam masa terdekat,” katanya pada sidang media selepas perasmian Seminar Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida anjuran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang

disempurnakan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal di sini semalam.

Pengerusi MyCC, Datuk Seri Mohd. Hishamudin Md. Yunus turut hadir pada seminar julung kali diadakan oleh suruhanjaya itu.

Saifuddin Nasution diminta mengulas berhubung Bajet 2019 dibentangkan oleh Guan Eng pada November tahun lalu menyatakan pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal berkapasiti enjin 125cc akan menikmati subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter.

Menerusi mekanisme subsidi itu, pemilik kereta akan menerima subsidi petrol RON95 terhad kepada 100 liter bagi pemilik kereta dan 40 liter bagi motosikal. - Bernama